



JABATAN PERDANA MENTERI
JABATAN AUDIT NEGARA

KERATAN AKHBAR

LIPUTAN MEDIA BULAN JULAI 2025



JABATAN PERDANA MENTERI
JABATAN AUDIT NEGARA

KERATAN AKHBAR

DAILY EXPRESS

3 JULAI 2025 | KHAMIS

Program tebatan banjir, GLC dikritik

LAPORAN turut mengkritik Program Tebatan Banjir Negeri Sabah. Walaupun RM555.5 juta diperuntukkan untuk 20 projek di bawah Rancangan Malaysia Ke-11, ia tidak meliputi sepenuhnya kawasan berisiko banjir dan mengalami kelewatan antara 366 hingga 1,249 hari disebabkan isu pemerolehan tanah, cuaca buruk, pemindahan utiliti dan Perintah Kawalan Pergerakan. Projek-projek tersebut gagal menghalang kejadian banjir berulang dan pemindahan penduduk.

GLC pula didapati gagal mencapai objektif utama. Audit mendedahkan ketiadaan pelan strategik dan petunjuk prestasi utama, prosedur operasi standard tidak lengkap, lembaga pengarah yang tidak kompeten serta tiada terma lantikan rasmi. Unit audit dalaman dan jawatankuasa audit juga tidak ditubuhkan, usahasama tidak menjana pulangan, pro-

jek siap tetapi tidak digunakan, pinjaman tidak dibayar dan kebanyakan syarikat mengalami kerugian berterusan serta gagal memberikan dividen kepada Kerajaan Negeri.

Khairul turut menyebut Sabah Fish Marketing Sdn Bhd di bawah Kementerian Pertanian, Perikanan dan Industri Makanan yang gagal mencapai objektif penubuhannya serta menunjukkan prestasi kewangan dan tadbir urus yang lemah.

Kerajaan Negeri berjanji akan mengambil tindakan susulan terhadap semua dapatan tersebut dan bekerjasama rapat dengan Jabatan Audit Negara bagi meningkatkan pematuhan serta akauntabiliti. Langkah susulan termasuk penubuhan jawatankuasa pemantauan audit peringkat negeri dan penyediaan pelan pemulihan bagi jabatan dan agensi yang berprestasi rendah.



JABATAN PERDANA MENTERI
JABATAN AUDIT NEGARA

KERATAN AKHBAR

UTUSAN MALAYSIA

22 JULAI 2025 | SELASA

Dalam Negeri



WAN SURAYA
WAN MOHD. RADZI

Jumlah RM48.873b dalam LKAN bukan ketirisan

KUALA LUMPUR: Jumlah RM48.873 bilion yang dinyatakan dalam Laporan Ketua Audit Negara (LKAN) bukan angka ketirisan atau kerugian, sebaliknya adalah nilai keseluruhan program, aktiviti dan projek yang diaudit di bawah seliaan kerajaan Persekutuan.

Ketua Audit Negara, Datuk Seri Wan Suraya Wan Mohd. Radzi berkata, jumlah tersebut sebagaimana yang dipetik beberapa portal media berpotensi mencetuskan kekeliruan serta persepsi negatif yang tidak berasas terhadap pengurusan kewangan negara.

Katanya, skop pengauditan ini secara amnya mengambil kira prestasi program, projek dan aktiviti yang telah dilaksanakan merangkumi pelbagai tahun ke belakang serta inisiatif yang telah diperkenalkan kerajaan.

“Setiap penemuan yang dibentangkan dalam laporan ini disusuli dengan syor penambahbaikan konstruktif bagi membantu kementerian, jabatan dan agensi kerajaan meningkatkan kecekapan operasi serta memperkukuhkan sistem dalaman dan pematuhan,” katanya dalam kenyataan semalam.

Dalam pada itu Wan Suraya berkata, bagi tempoh tahun 2024 hingga Jun 2025, susulan audit yang dilaksanakan Jabatan Audit Negara (JAN) berjaya membantu kerajaan dapat bayaran balik berjumlah RM157.73 juta.

“Antaranya menerusi tuntutan penalti, sewa tertunggak, kutipan Liquidated Ascertained Damages (LAD), tunggakan pajakan tanah, kutipan duti dan cukai,” katanya.

KERATAN AKHBAR

NEW STRAITS TIMES

22 JULAI 2025 | SELASA

MCW urges action, reforms after audit findings

KUALA LUMPUR: Malaysian Corruption Watch (MCW) has called for immediate action and systemic reforms after the Auditor General's Report exposed repeated financial leakages, mismanagement and governance failures across government entities.

MCW president Jais Abdul Karim said the findings were deeply troubling and went beyond mere administrative errors.

"These are not just technical issues; they are clear indicators of weak internal controls, a lack of regard for procedures and systemic negligence that creates space for corruption."

Among the most concerning findings were Felcra Bhd's poor

management of palm oil plantation leases valued at RM241.76 million, Universiti Kebangsaan Malaysia's decision to award RM58.45 million in tenders to companies not endorsed by its technical committee, and the army's failure to collect RM162.75 million in liquidated damages from a Gempita armoured vehicle supplier.

Jais said the pre-qualification procurement method, which the auditor general deemed vulnerable to manipulation and lacking in transparency, should be abolished in favour of open tenders.

"MCW also strongly supports the auditor general's recommendation to discontinue the govern-

ment's Pre-Q system.

"Open tenders are the only way to restore integrity in the government's procurement process."

MCW urged the Malaysian Anti-Corruption Commission (MACC) and the Attorney General's Chambers to immediately investigate audit findings that pointed to wrongdoing, including the failure to collect penalties, the awarding of tenders outside established guidelines and the fragmentation of contracts.

Jais said action must also be taken against top officials responsible for such lapses.

>> Continued next page

'MISMANAGEMENT'

Hold officials accountable, says MCW

>> From Page 4

"Heads of department cannot be allowed to walk away with a mere slap on the wrist. Disciplinary or legal action must follow when negligence or misconduct is established."

MCW further proposed that Parliament and the Public Accounts Committee conduct open hearings against those involved.

It also urged the government to fast-track the rollout of the e-Self-Audit system to prevent unchecked approvals in future procurement.

To ensure meaningful follow-up on audit findings, Jais recommended the formation of a Parliamentary Independent Monitoring Committee with representation from anti-corruption non-governmental organisations, including MCW.

Jais said: "We cannot allow these reports to be read and forgotten."

"Until we back them with legal consequences and systemic reform, institutional accountability will remain a hollow promise," he added.

KERATAN AKHBAR

NEW STRAITS TIMES

22 JULAI 2025 | SELASA

AUDITOR GENERAL'S REPORT

IRREGULARITIES IN 7 MINISTRIES' PROJECTS

Audits find weaknesses in procurement, implementation and tender processes

FUAD NIZAM
KUALA LUMPUR
fuadnizam@nst.com.my

THE auditor general has flagged "serious irregularities" and "weaknesses" in projects and programmes involving seven ministries.

The seven were the finance; higher education; works, defence, energy transition and water transformation; rural and regional development; and domestic trade and cost of living ministries.

The Auditor General's Report released yesterday covered five audits involving the seven ministries, involving a total cost of RM48.873 billion.

The audits examined programmes, activities and projects under the 11th and 12th Malaysia Plans. The report said serious irregularities were identified in three audits.

The first was a compliance audit on Felcra Bhd's oil palm plantation lease procurement, which found governance weaknesses in leasing one plantation in San-

dakan, Sabah, and three plantations in Gua Musang, Kelantan, involving a total of RM241.76 million from 2022 to 2024.

The second audit involved the procurement of supplies, services and works at Universiti Kebangsaan Malaysia (UKM), where serious irregularities and weaknesses were found in the tender process.

Three tenders amounting to RM58.45 million were involved, with the Tender Procurement Committee selecting companies that were not recommended by the Technical Evaluation, Financial Evaluation and Pre-Tender Committees.

The third audit related to the management of the army's armoured vehicles, where weaknesses in contract administration and procurement management were identified between 2020 and 2023.

This included penalties amounting to RM162.75 million that were not collected from the company over delays in the supply of Gempita armoured vehicles, and penalties of RM1.42 million that were not imposed for delays in maintenance services, repairs and supply of spare parts.

The report also found that procurement of maintenance, repair and spare parts worth RM107.54 million had been split into smaller contracts, which might have been an attempt to bypass procurement thresholds.

Other weaknesses were identified in the implementation of programmes, activities and projects due to the lack of monitoring and supervision by relevant parties, as well as weaknesses in policies and procedures.

The audit also found issues in the management of price control and the cooking oil subsidy programme.

Introduced in 2007 by the Plantation Industries and Commodities Ministry under the Cooking Oil Price Stabilisation Scheme (COSS), the programme initially had an approved quota of 85,405 tonnes per month.

In 2016, its management was taken over by the Domestic Trade and Cost of Living Ministry, which reduced the quota to 60,000 tonnes per month.

Despite efforts by the Domestic Trade and Cost of Living Ministry to reduce the subsidised cooking oil quota, weaknesses in implementation, monitoring and enforcement persisted.

Among the issues highlighted was the absence of allocation mechanisms to ensure that cooking oil reached targeted groups in need and eligible for assistance.

The report said the Domestic Trade and Cost of Living Ministry's efforts to reduce the quota since 2016 should continue, as this measure could help combat leakages through more targeted distribution, in line with audit recommendations.



JABATAN PERDANA MENTERI
JABATAN AUDIT NEGARA

KERATAN AKHBAR

NEW STRAITS TIMES

22 JULAI 2025 | SELASA

AG REPORT FOR 11TH AND 12TH MALAYSIA PLAN PERIODS

FELCRA Berhad

1 FELCRA'S MAJOR GOVERNANCE FAILURES

Findings

- Telupid Estate's RM62.29 million lease procurement in Sabah approved despite objections from board members and a viability report.
- A similar pattern was found in the RM92.44 million lease of Aring Estate in Kelantan.
- Procurement decisions were rushed and poorly documented.
- Projected palm oil yields across all estates were overly optimistic.
- Governance gaps could derail Felcra's strategic goal of acquiring 30,000ha within five years.

Recommendations

- Strengthen controls, ensure thorough board deliberations and strictly adhere to procurement procedures.

4 SUBSIDISED COOKING OIL PROGRAMME FLAWS

Findings

- The quota cut from 85,405 to 60,000 metric tonnes per month after the Domestic Trade and Cost of Living Ministry took over from the Plantation and Commodities Ministry was not backed by a comprehensive study.
- Eligibility requirements were not comprehensive, resulting in benefits being extended to non-target groups.
- Weaknesses remain in the programme's implementation, monitoring and enforcement.

Recommendations

- The audit recommends further quota cuts to curb leakages.

2 UKM TENDER IRREGULARITIES

Findings

- Three tenders at Universiti Kebangsaan Malaysia worth RM58.45 million were found to be irregular.
- Companies were selected despite not being recommended by evaluation committees.
- The Tender Procurement Committee overrode recommendations from Technical, Financial and Pre-Tender Committees.

Recommendations

- UKM should revise procurement guidelines to align with Treasury regulations and financial rules.
- Monitor the implementation of the three tenders closely.
- Take disciplinary action against officers and committee members who violated procedures.

3 ARMY VEHICLE CONTRACT MISMANAGEMENT

Findings

- RM162.75 million in penalties for the late delivery of Gempita vehicles remains uncollected.
- The penalty claim notice for Gempita vehicles was only issued two years after the contract expired.

5 GOVERNMENT'S PRE-Q PROCUREMENT FLAWS

Findings

- Introduced by the Finance Ministry in 2023-2024, this two-stage method screens firms before inviting open tenders.
- Some firms failed the initial screening but were still evaluated in the second stage.
- Process delays exceeded stipulated timeframes.

Recommendations

- Abolish the method and revert to open tender.



JABATAN PERDANA MENTERI
JABATAN AUDIT NEGARA

KERATAN AKHBAR

BERITA HARIAN

22 JULAI 2025 | SELASA

4

Nasional

Selasa, 22 Julai 2025 BH

Laporan Ketua Audit Negara 2/2025

Kelemahan urus kontrak jejas kesiapsiagaan TDM

Perolehan kontrak kenderaan perisai RM7.8 bilion bermasalah berisiko sebabkan kerajaan rugi

Oleh Zanariah Abd Mutalib,
Mohd Nasaruddin Parzi
dan Nor Atiqah Sulaiman
bhnews@bh.com.my

Kuala Lumpur: Laporan Ketua Audit Negara (LKAN) 2/2025 mendedahkan kelemahan ketara dalam pengurusan perolehan dan pentadbiran kontrak kenderaan perisai Tentera Darat Malaysia (TDM), yang berpotensi menyebabkan kerajaan berdepan risiko kerugian.

Menurut LKAN 2/2025 yang dibentangkan di Dewan Rakyat, semalam, terdapat kontrak berjumlah RM7.8 bilion membabitkan kenderaan perisai utama dalam tempoh pengauditan dari 2020 hingga 2023, iaitu *Gempita*, *Pendekar*, *Adnan*, *Lipan Bara* dan *MIFV*.

Kontrak berkenaan seharusnya menyokong kesiapsiagaan

TDM untuk menjadi sebuah angkatan tentera darat yang moden dan berkeupayaan mempertahankan kedaulatan Malaysia, namun kelewatan dan kelemahan pentadbiran menjejaskan pencapaian objektif itu.

"Antara penemuan utama adalah kelewatan ketara dalam pembekalan 68 kenderaan *Gempita* oleh sebuah syarikat tempatan, menyebabkan denda RM162.75 juta yang hanya dituntut pada 15 Januari 2025, iaitu 746 hari (dua tahun 15 hari) selepas kontrak tamat pada 31 Disember 2022.

"Audit juga mendapati kerajaan membuat bayaran penuh RM7.52 bilion, walaupun syarikat gagal mematuhi jadual penghantaran dipersetujui, manakala bon pelaksanaan kontrak berjumlah RM53.93 juta yang tamat pada 31 Disember 2024 juga dilihat tidak mencukupi menampung jumlah denda," menurut laporan itu.

Semakan bagi tempoh sama turut mendapati kelewatan dalam perkhidmatan senggaraan, pembaikan dan pembekalan alat ganti bagi kenderaan *Gempita*, *Adnan* dan *Pendekar*, dengan anggaran denda berjumlah RM1.42 juta belum dikenakan hingga akhir 2023, walaupun perkhidmatan lewat 227 hari.

"Laporan turut menegur pelaksanaan perolehan secara pe-

cah kecil oleh beberapa Pusat Tanggungjawab (PTJ) yang melanggar peraturan kewangan, membabitkan pembelian terus dan sebut harga berjumlah RM107.54 juta bagi tempoh 2020 hingga 2023, sedangkan perolehan melebihi RM500,000 setahun sepatutnya melalui tender terbuka," menurut laporan itu yang dipetik BERNAMA.

Tingkat risiko tadbir urus

Selain itu, ketiadaan kontrak utama bagi beberapa jenis kenderaan seperti *MIFV* dan *Lipan Bara* dalam tempoh audit memaksa PTJ melaksanakan perolehan ad hoc, sekali gus meningkatkan risiko tadbir urus.

Kementerian Pertahanan menjelaskan bahawa kelewatan berpunca daripada faktor luar kawalan, termasuk pelaksanaan Perintah Kawalan Pergerakan (PKP), namun Audit menegaskan langkah seperti pengeluaran notis denda sepatutnya dilaksanakan ketika kontrak masih berkuat kuasa bagi melindungi kepentingan kerajaan.

Sementara itu, Laporan Ketua Audit Negara 2/2025 juga memaklumkan Tender Terbuka Prakilangan Terpilih (Perolehan Pre-Q Terpilih) di tiga kementerian tidak mencapai objektif bagi memenuhi hasrat kerajaan untuk menyegerakan proses perolehan

dan mempercepat pelaksanaan projek Jana Wibawa yang sudah dibatalkan serta projek berimpak besar kepada rakyat.

Berdasarkan penemuan Audit, terdapat beberapa kelemahan berkaitan Perolehan Pre-Q Terpilih berdasarkan audit yang dilaksanakan di tiga kementerian, iaitu Kementerian Peralihan Tenaga dan Transformasi Air (PETRA), Kementerian Kerja Raya (KKR) (Jabatan Kerja Raya Sabah) dan Kementerian Kemajuan Desa dan Wilayah (KKDW), iaitu yang mempunyai status nilai tender tertinggi yang menggunakan kaedah Perolehan Pre-Q Terpilih.

Pihak Audit berpandangan kaedah itu tidak wajar diteruskan atas beberapa justifikasi, antaranya disebabkan wujud ruang manipulasi dan ketidaktelusan pemilihan syarikat berjaya, yang mana hanya syarikat tertentu diluluskan untuk menyertai tender dan jika tiada pemantauan ketat bagi pelawaan dan penilaian pada peringkat pertama, ketelusan proses itu boleh dipertikaikan.

"Pemerhatian Audit membuktikan terdapat ketidaktelusan, iaitu pemilihan syarikat yang tidak memenuhi kriteria penilaian pada peringkat pertama untuk ke peringkat kedua.

"Terdapat juga isu, yang mana

syarikat tidak dipelawa turut terpilih dan dinilai pada peringkat kedua. Keputusan yang tidak berdasarkan kriteria prakelayakan menunjukkan sistem ini boleh dimanipulasi, berbanding kaedah tender terbuka sepenuhnya," kata laporan itu.

Sementara itu, terdapat 158 isu atau 3.8 peratus daripada 4,205 isu yang dibangkitkan dalam LKAN dari 2011 hingga 2024 mengenai aktiviti Kementerian/Jabatan Kerajaan Persekutuan dan Badan-Badan Berkanun Persekutuan masih pada peringkat 'Dalam Tindakan' pihak yang terbabit.

Jabatan Audit Negara (JAN) memaklumkan, angka setakat 30 April lalu itu membabitkan LKAN Tahun 2017 hingga 2022.

"Bilangan isu 'Dalam Tindakan' tertinggi adalah bagi LKAN Tahun 2022, iaitu sebanyak 103 isu," katanya dalam laporan Status Tindakan Bagi Isu Dilaporkan Dalam Laporan Ketua Audit Negara Mengenai Aktiviti Kementerian/Jabatan Kerajaan Persekutuan dan Badan Berkanun Persekutuan yang dibentangkan di Dewan Rakyat, semalam.

JAN memaklumkan, sebanyak 4,047 isu (96.2 peratus) daripada keseluruhan isu yang dibangkitkan dalam LKAN bagi tempoh berkenaan sudah pun diselesaikan.



KERATAN AKHBAR

BERITA HARIAN

22 JULAI 2025 | SELASA

Perolehan ladang FELCRA ada ketidakteraturan serius

Jabatan Audit Negara mendapati, ada ketidakteraturan serius dan kelemahan tatakelola dalam pelaksanaan perolehan ladang sawit oleh FELCRA Berhad (FELCRA), membabitkan empat ladang sawit di Sabah dan Kelantan bagi tempoh 2021 hingga 2024.

Masalah itu membabitkan proses perolehan, penilaian harga perolehan dan hasil sawit serta pematuhan kepada kontrak perjanjian.

Laporan Ketua Audit Negara (LKAN) 2/2025 menyatakan, sehingga 2023, FELCRA membuat perolehan satu ladang sawit di Sandakan, Sabah, iaitu Estet Telupid secara pemilikan geran serta tiga ladang sawit di Gua Musang, Kelantan, iaitu Estet Dabong, Estet Sg Rawit 2 dan Estet Aring secara pajakan yang

berjumlah RM241.76 juta.

Bagi proses perolehan Ladang Sawit Estet Telupid, ia didapati dibuat dalam Mesyuarat Lembaga Pengarah Bil 203 Tahun 2022 tanpa mematuhi keputusan mesyuarat sebelumnya (Mesyuarat Lembaga Pengarah Bil 202 Tahun 2022), yang mana tiada pelantikan perunding luar untuk melaksanakan kajian daya maju terhadap perolehan ladang itu.

"Tiada bukti resolusi diangkat kepada Lembaga Pengarah untuk mengubah keputusan yang dibuat dalam Mesyuarat Lembaga Pengarah Bil. 202 Tahun 2022 dan perkara ini tidak selaras dengan Artikel 111 dan Artikel 115 Perlembagaan FELCRA.

"Kesan daripada keputusan perolehan ladang sawit yang kurang berdaya maju, hasil pengeluaran Estet Telupid masih

belum mencapai sasaran dan mengalami kerugian dari 2022 hingga 2024," katanya.

Sementara itu, LKAN juga mendapati proses perolehan tiga ladang sawit di Gua Musang dibuat secara tergesa-gesa, yang mana perjanjian bagi perolehan ladang sawit itu ditandatangani antara tujuh hingga 12 hari selepas kelulusan Mesyuarat Lembaga Pengarah.

Ia membabitkan perolehan Estet Dabong dan Estet Sg Rawit 2 melalui Mesyuarat Lembaga Pengarah Bil 207 Tahun 2022 dan perolehan Estet Aring melalui Mesyuarat Khas Lembaga Pengarah Bil 217 Tahun 2023.

"Lanjutan daripada keputusan perolehan Estet Aring, dua orang Lembaga Pengarah memohon mengecualikan diri dari membuat undian terhadap

keputusan itu, dan perolehan tiga ladang sawit di Gua Musang hanya merujuk kepada Laporan Daya Maju yang dilaksanakan anak syarikat FELCRA.

"Faktor kewangan seperti tempoh pulangan balik modal yang panjang antara 11 hingga 22 tahun (selepas mengambil kira kerja pemulihan) bagi perolehan ladang sawit yang sudah mengeluarkan hasil bukanlah satu keputusan pelaburan yang baik dan kos tambahan lain, iaitu bayaran pajakan kepada Perbadanan Menteri Besar Kelantan (PMBK), Perbadanan Pembangunan Ladang Rakyat Negeri Kelantan (PPLRNK) dan Majlis Agama Islam dan Adat Istiadat Melayu Kelantan (MAIK) sepanjang tempoh pajakan kurang diberi perhatian.

"Hasil sawit bagi ketiga-tiga

ladang sawit untuk 2022 hingga 2024 adalah rendah dan belum mencapai sasaran pengeluaran yang ditetapkan, dan FELCRA Berhad juga perlu mengeluarkan anggaran kos berjumlah RM5.98 juta untuk tiga ladang sawit itu bagi kerja pemulihan untuk meningkatkan hasil pengeluaran sawit," katanya.

LKAN itu menyatakan pandangan bahawa proses pemilihan tanah bagi tujuan pelaburan tidak seharusnya membabitkan tanah yang mempunyai bebanan dan tanggungan (*encumbrances*) yang belum selesai.

Ia merujuk perolehan tanah pajakan milik MAIK yang semasa perolehan dibuat mempunyai tanggungan hutang oleh Syarikat 535718-H, yang menimbulkan risiko jika berlaku kegagalan pembayaran oleh syarikat itu.

KERATAN AKHBAR

BERITA HARIAN

22 JULAI 2025 | SELASA

BH Selasa, 22 Julai 2025

Nasional

5

Laporan Ketua Audit Negara 2/2025

Jual minyak masak subsidi kepada pihak tidak layak jejas bekalan

Purata keluaran bagi 2019 hingga 2024 hanya capai 82.6 peratus daripada kuota siling ditetapkan

Kuala Lumpur: Laporan Ketua Audit Negara (LKAN) 2/2025 semalam mendedahkan penjualan minyak masak bersubsidi kepada golongan tidak layak oleh syarikat pembungkus, pemborong dan peruncit dikesan menjejaskan bekalan minyak masak bersubsidi untuk keperluan isi rumah di negara ini.

Penemuan itu dikesan hasil lawatan fizikal audit terhadap beberapa syarikat peruncit yang mendapati berlaku lebih jualan kepada pelanggan tertentu.

"Peruncit 1022272-X sudah menjual sebanyak 170 pekai minyak masak bersubsidi berjumlah RM425 kepada satu syarikat peruncit makanan dengan mengeluarkan 60 resit pembelian.

"Dua transaksi jualan minyak masak bersubsidi melebihi had di Kedai Runcit TR0005815-V yang berlokasi di Kuala Terengganu sebanyak 23 kilogram (kg) berjumlah RM57.50," menurut laporan itu.

Sementara itu, LKAN turut mendedahkan purata pengeluaran minyak masak bersubsidi bagi tempoh 2019 hingga 2024 hanya mencapai 82.6 peratus daripada kuota siling ditetapkan.

"Subsidi minyak masak dikategorikan sebagai subsidi pukal yang diberikan kepada golongan asas, namun golongan tidak layak termasuk bukan warganegara turut menikmati subsidi ini apabila mereka membeli barangan itu.

"Semakan audit mendapati dasar sedia ada tidak menetapkan syarat kelayakan terhadap pembelian minyak masak bersubsidi," katanya.

Laporan itu menyebut prosedur operasi standard (SOP) Program Skim Penstabilan Harga Minyak Masak (COSS) yang berkuat kuasa pada 1 Oktober 2023 menjelaskan anggaran keperluan terkini penggunaan minyak masak rakyat Malaysia adalah 1.5kg sebulan bagi seorang penduduk.

"Semakan audit mendapati tiada justifikasi jelas berhubung asas penetapan 60,000 tan minyak masak sebulan bagi penduduk di Malaysia. Keperluan penggunaan minyak masak sebanyak 1.5kg sebulan bagi setiap penduduk juga tidak disokong dengan kajian keperluan sebenar," katanya.



LKAN berpendapat, penetapan kuota 60,000 tan sebulan bagi pengeluaran minyak masak bersubsidi tidak disokong oleh kajian komprehensif mengenai keperluan sebenar penggunaan minyak masak berdasarkan corak penggunaan domestik yang terkini.

"Selain itu, ketiadaan peraturan yang jelas berhubung kriteria golongan yang layak membeli minyak masak bersubsidi sudah menyebabkan warga asing turut menikmati subsidi itu memandang tiada tindakan penguatkuasaan yang boleh diambil akibat ketiadaan peraturan yang khusus," katanya.

Justeru, LKAN berpendapat

pemantauan berterusan terhadap pemegang kuota perlu dilaksanakan bagi memastikan pengeluaran bekalan minyak masak bersubsidi mengikut kuota yang diluluskan dan tindakan tegas perlu diambil sekiranya berlaku ketidakpatuhan.

Tarik lesen

Sementara itu, dalam maklum balas ke atas dapatan audit seperti disiarkan menerusi Laporan Ketua Audit Negara (LKAN) 2/2025, Kementerian Perdagangan Dalam Negeri dan Kos Sara Hidup (KPDN) sudah mengambil tindakan termasuk penarikan Lesen Runcit Barang Kawalan

Berjadual (CSA) ke atas syarikat dan peruncit yang didapati menjual minyak masak bersubsidi kepada pihak tidak layak.

Kementerian itu menjelaskan, akaun syarikat yang dikesan audit turut sudah dinyahaktif dan kini, mereka tidak lagi membekalkan minyak masak pekai bersubsidi.

Bagi dua syarikat yang dikesan, katanya, mereka juga didapati mempunyai tiga transaksi belian sebanyak 561 kilogram berjumlah RM1,386 tetapi tidak direkodkan dalam buku stok.

"Bahagian Subsidi dan Bekalan (BSB) akan merujuk kes ini kepada Bahagian Penguatkuasa untuk siasatan lanjut. Semakan dibuat ke atas transaksi syarikat pembungkus itu dalam sistem eCOSS kepada satu lagi syarikat, mendapati bahawa transaksi di antara kedua syarikat wujud," menurut laporan LKAN itu.

Katanya, KPDN sudah menguatkuasakan Peraturan 18 (Peraturan-peraturan Kawalan Bekalan (Pindaan) 2021, iaitu mana-mana pihak yang didapati menyimpan dan menggunakan barang kawalan berjadual dalam kuantiti melebihi yang dibenarkan seperti minyak masak, tidak boleh dalam milikan melebihi 12kg kecuali mendapat kebenaran Pengawal Bekalan (Permit Barang Kawalan Berjadual).



JABATAN PERDANA MENTERI
JABATAN AUDIT NEGARA

KERATAN AKHBAR

SINAR HARIAN

22 JULAI 2025 | SELASA

2

NASIONAL

SINAR HARIAN • SELASA 22 JULAI 2025

TELUS & TULUS

Sinar Harian

TELUS & TULUS • MATA DAN TELINGA RAKYAT • PEMACU PERUBAHAN

Ia melibatkan Felcra, UKM dan Tentera Darat Malaysia

Oleh KHAIRIL ANWAR MOHD AMIN KUALA LUMPUR



WAN SURAYA

Laporan Ketua Audit Negara (LKAN) Siri 2/2025 yang dibentangkan di Dewan Rakyat pada Isnin mendedahkan tiga ketakteraturan serius melibatkan jumlah keseluruhan melebihi RM460 juta, membabitkan Felcra Berhad, Universiti Kebangsaan Malaysia (UKM) dan Tentera Darat Malaysia.

Ketua Audit Negara, Datuk Seri Wan Suraya Wan Mohd Radzi berkata, dapatan itu hasil audit terhadap lima pengauditan membabitkan tujuh Kementerian dengan nilai keseluruhan program, aktiviti dan projek berjumlah RM48.87 bilion.

Menurut beliau, antara ketirisan paling ketara melibatkan Felcra Berhad yang didapati lemah dari segi tadbir urus perolehan pajak empat ladang sawit berjumlah RM241.76 juta bagi tempoh antara 2022 hingga 2024.

"UKM pula berdepan isu ketakteraturan serius dan kelemahan dalam proses perolehan membabitkan tiga tender bernilai RM58.45 juta," katanya dalam kenyataan pada Isnin.

Tiga ketakteraturan serius, lebih RM460 juta terjejas

Selain itu, Tentera Darat Malaysia juga terpalit isu kelemahan pentadbiran kontrak dan pengurusan perolehan bagi kenderaan perisai bagi tempoh 2020 hingga 2023.

"Ia melibatkan denda RM162.75 juta yang masih belum dikutip serta denda RM1.42 juta yang belum dikenakan terhadap syarikat kerana kelewatan perkhidmatan senggaraan," katanya.

Tambah Wan Suraya, pihaknya juga mengesan perolehan dan pembekalan alat ganti kenderaan perisai bernilai RM107.54 juta yang dilaksanakan secara pecah kecil.

Sebanyak 22 syor audit dikemukakan kepada Kementerian, jabatan dan syarikat yang terlibat bagi tujuan penambahbaikan.

Katanya lagi, hasil audit Jabatan Audit Negara (JAN) bagi tempoh 2024 hingga Jun 2025 telah membantu kerajaan memperoleh semula RM157.73 juta, termasuk kutipan penalti, cukai dan denda.

PENGURUSAN KENDERAAN PERISAI TENTERA DARAT MALAYSIA

KEMENTERIAN PERTAHANAN

Secara amnya, terdapat kelemahan dalam pentadbiran kontrak dan pengurusan perolehan bagi tempoh tahun 2020 hingga 2023

1

Denda berjumlah RM162.75 juta belum dikutip daripada syarikat bagi kelewatan pembekalan GEMPTA

2

Denda berjumlah RM1.42 juta belum dikenakan terhadap syarikat bagi kelewatan perkhidmatan senggaraan, pembaikan dan pembekalan alat ganti kenderaan perisai

3

Perolehan perkhidmatan senggaraan, pembaikan dan pembekalan alat ganti kenderaan perisai berjumlah RM107.54 juta dilaksanakan secara pecah kecil

SYOR AUDIT

Notis tuntutan denda hendaklah dikeluarkan terhadap syarikat apabila berlaku kelewatan semasa kontrak masih berkuat kuasa

Kontrak hendaklah disediakan dalam tempoh sewajarnya. Sekiranya terdapat keperluan perolehan dalam tempoh ketiadaan kontrak, kelulusan khas perlu diperolehi daripada Kementerian Kewangan

PENGAUDITAN PEMATUHAN PEROLEHAN PAJAKAN LADANG SAWIT OLEH FELCRA BERHAD

KEMENTERIAN KEMAJUAN DESA DAN WILAYAH

FELCRA BERHAD

Secara keseluruhannya, berdasarkan hasil pengauditan terdapat ketakteraturan yang serius dan kelemahan tatakelola dalam pelaksanaan perolehan ladang sawit oleh FELCRA Berhad

1

Proses perolehan Ladang Sawit Estet Telupid di Sandakan, Sabah dibuat tanpa mematuhi keputusan mesyuarat sebelumnya di mana tiada pelantikan perunding luar untuk melaksanakan kajian daya maju terhadap perolehan ladang tersebut

2

Lembaga Pengarah tetap meneruskan perolehan Ladang Sawit Estet Ating di Gua Musang, Kelantan walaupun tiada tindakan sewajarnya diambil berkenaan perkara yang dibangkitkan oleh Ahli Lembaga Pengarah lalu perlu mempunyai pelan tindakan rapi sebelum keputusan perolehan dimuktamadkan

SYOR AUDIT

Lembaga Pengarah FELCRA Berhad hendaklah bertanggungjawab untuk memastikan perolehan ladang sawit adalah teratur selaras dengan kewajipan fidusiar serta amalan tatakelola yang baik

Manual Perolehan perlu ditambah baik mengenai pelantikan perunding luar yang berkecayaan bagi melaksanakan penilaian daya maju (due diligence) serta penilaian nilai pasaran secara objektif sebelum membuat sebarang keputusan perolehan

PENGURUSAN PEROLEHAN BEKALAN, PERKHIDMATAN DAN KERJA

KEMENTERIAN PENDIDIKAN TINGGI

UNIVERSITI KEBANGSAAN MALAYSIA

Jawatankuasa Perolehan Tender meluluskan tender kepada syarikat

1

PERALATAN LINAC Tidak disyorkan oleh Jawatankuasa Penilaian Teknikal kerana peralatan baharu tidak memenuhi spesifikasi pengintegrasian dengan sistem sedia ada

2

SAJIAN MAKANAN Gagal di peringkat Jawatankuasa Penilaian Teknikal kerana tidak berpengalaman, peralatan sajian pesakit tidak lengkap dan tidak mempunyai sijil HACCP

3

NAIK TARAF LIF Gagal di peringkat Jawatankuasa Penilaian Tender kerana prestasi kerja semasa bagi lima projek turing memusikan dan satu daripadanya dikategorikan sebagai projek sakit

SYOR AUDIT

Menambah baik garis panduan perolehan supaya selaras dengan peraturan kewangan yang berkuat kuasa

Membuat pemantauan rapi terhadap pembekalan peralatan LINAC dan penggantian lif

Mengambil tindakan tatatertib terhadap ahli jawatankuasa dan pegawai yang terlibat tertakrif kepada keputusan Jawatankuasa Siasatan Dalam

ASEAN MALAYSIA 2025

PERENCANAAN ASEAN AUDIT COMMITTEE (AAC)

visit Malaysia 2026

Truly Asia

JABATAN AUDIT NEGARA

AUDIT BERKUALITI MENINGKATKAN AKAUNTABILITI



JABATAN PERDANA MENTERI
JABATAN AUDIT NEGARA

KERATAN AKHBAR

THE SUN

22 JULAI 2025 | SELASA

Auditor-General report flags major lapses across key agencies

KUALA LUMPUR: Serious governance lapses and procedural irregularities were highlighted in the 2025 Auditor-General's Report Series 2, tabled in the Dewan Rakyat yesterday.

Auditor-General Datuk Seri Wan Suraya Wan Mohd Radzi revealed governance weaknesses in the lease procurement process for four oil palm plantations by Felcra Berhad, with acquisitions totaling RM241.76 million between 2022 and 2024.

She also flagged significant irregularities in Universiti Kebangsaan Malaysia's (UKM) procurement activities, citing flaws in tendering procedures and procurement governance involving

three tenders worth RM58.45 million.

"There were notable weaknesses in contract administration and procurement management for the army's armoured vehicles between 2020 and 2023," she said in a statement. Among the issues were RM162.75 million in uncollected penalties and RM1.42 million in penalties that were not imposed on the contractor for delayed maintenance services.

In addition, procurement of maintenance services and spare parts for the vehicles – amounting to RM107.54 million – was found to have been carried out through contract splitting, which violates best practices.

The report also identified shortcomings in the Domestic Trade and Cost of Living Ministry's management of the subsidised cooking oil programme.

Wan Suraya said the absence of a targeted allocation system hindered effective distribution to eligible communities. She urged the continuation of efforts to gradually reduce the supply quota, as recommended since 2016, to help limit leakage and improve distribution accuracy.

Further concerns were raised over the Finance Ministry's use of the selective Pre-Q procurement method, which the report said allowed room for

manipulation and lacked transparency.

Some companies that failed to meet initial evaluation criteria were nonetheless selected for subsequent evaluation and award.

"The audit recommends discontinuing the Pre-Q method in favour of open tendering, which would enhance accountability and transparency," she said.

A total of five audits involving seven ministries were conducted, covering programmes and projects valued at RM48.873 billion.

The National Audit Department issued 22 recommendations to various ministries, agencies and government-linked companies. – Bernama

KERATAN AKHBAR

THE STAR

22 JULAI 2025 | SELASA

6 Nation

Follow the public money

National Audit Department recovers over RM157mil in one year

KUALA LUMPUR: A total of RM157.73mil has been recovered by the National Audit Department through audits done between 2024 and June this year, says Auditor-General Datuk Seri Wan Suraya Wan Mohd Radzi.

She said the amount was collected through penalty claims, outstanding rent, the collection of Liquidated Ascertained Damages (LAD), overdue land leases, and the collection of duties and taxes.

"The amendments on the Audit Act 1957 (Act 62) also empowers the Auditor-General to audit other bodies, including registered companies that receive financial guarantees from the government.

"(This is) to track public funds through the new approach of 'Follow The Public Money Audit', issue any guidelines if necessary and provide any recommendations in addressing serious misconduct to prevent the misuse of public funds," she said in a statement yesterday.

She has also revealed that a total of 1,856 gazetted govern-

"The amendments on the Audit Act 1957 (Act 62) also empowers the Auditor-General to audit other bodies, including registered companies that receive financial guarantees from the government."

Datuk Seri Wan Suraya Wan Mohd Radzi

ment companies have been audited through the eSelfAudit system.

Wan Suraya said five audits have been conducted involving seven ministries, with the total costs of audited programmes and projects reaching RM48.873bil.

"The scope of the audit encompasses programmes, activities or projects that were implemented within the 11th and 12th Malaysia Plan."

The audits, she said, had found

irregularities involving several agencies such as Felcra, Universiti Kebangsaan Malaysia and the army.

For Felcra, it was revealed that there were weaknesses in governance in the procurement implementation of leasing one oil palm plantation in Sandakan, Sabah, and three oil palm plantations in Gua Musang, Kelantan, which involved procurements totaling RM241.76mil in the period from

2022 to 2024.

Meanwhile, the audits on the procurement and services at UKM found irregularities in tender and procurement processes involving RM58.45mil.

"This happened when the tender procurement committee had chosen companies that were not recommended by the technical evaluation committee, financial evaluation committee and pre-tender committee," said Wan Suraya.

She said there were also weaknesses in the contract administration and procurement management under the armed vehicles management by the army, which saw a total of RM162.75mil failed to be collected.

Fines on the company causing the delay in maintenance, repair and supply of spare parts, were worth RM1.42mil.

"In addition, it was found that the procurement of maintenance services, repairs and the supply of spare parts for armored vehicles totaling RM107.54mil was carried out in small fragmented parts," said Wan Suraya.

KERATAN AKHBAR

THE STAR

22 JULAI 2025 | SELASA

Rampant abuse of subsidised cooking oil

PETALING JAYA: Subsidised cooking oil meant for household usage has been sold in bulk to restaurants and caterers, with over 50 tonnes of the product diverted.

The Auditor-General's report series 2/2025 revealed that as much as 55,167kg of subsidised cooking oil was sold to these quarters, in breach of official guidelines.

In the report published yesterday, it said this did not align with the standard operating procedures of the Cooking Oil Price Stabilisation Scheme (COSS) guidelines issued by the Domestic Trade and Cost of Living Ministry.

An audit at a Kelantan-based retailer last July found a business, which operated as a restaurant, had stored up to 204kg of subsidised cooking oil.

In 2024, the company had purchased 11,390kg of subsidised oil from five manufacturers.

An unrecorded sale of 561kg between the retailer and a manufacturer was also flagged.

In Terengganu, a wholesaler was found to have sold cooking oil to multiple caterers between January 2023 and June 2024.

Audit checks revealed 189 cash transactions worth RM77,657.50 involving subsidised oil.

A separate case in Miri, Sarawak, found that a supplier had distributed RM5,700 worth of subsidised cooking oil to unlicensed individuals for free between April and July last year.

The supplier claimed to represent an NGO.

Following these findings, the ministry confirmed that the Kelantan company's controlled

goods licence had been revoked and its eCOSS account deactivated to prevent further supply.

The unrecorded transaction will meanwhile be referred to the ministry's enforcement division.

The wholesaler's account in Terengganu has also been deactivated pending investigations.

The report also revealed cases of retailers selling more than three packets of subsidised oil per customer.

This includes a case in Selangor where a retailer sold 170 packets worth RM425 to a catering company, and a separate case in Terengganu where a trader made two transactions of subsidised cooking oil totalling RM57.50.

The report also revealed discrepancies in how subsidised cooking oil stocks were recorded and kept in the inventory.

"Lack of effective enforcement will open opportunities for companies to manipulate sales in their stock books," the Auditor-General's report said.

It also said there were no clear guidelines for managing spoiled cooking oil nor its sale, resulting in two companies storing 942kg of the product for sale to used cooking oil collectors.

The report said a total of 16 companies were involved in this.

To this, the Domestic Trade and Cost of Living Ministry said its COSS guidelines would be reviewed to include a procedure for this.

To plug leakages, the Auditor-General recommended that the COSS scheme be overhauled.

"There must also be targeted distribution schemes to ensure only eligible households can pur-

Findings from the Auditor-General's Report Series 2/2025

Palm oil estate procurements

- > Felcra Bhd made a RM62.9mil procurement of the Telupid Palm Oil estate in Sabah despite the feasibility study findings.
- > A lease agreement for three palm oil estates in Gua Musang, Kelantan was rushed.

Subsidised cooking oil management

- > Existing guidelines do not determine buyer eligibility.
- > Sold to ineligible quarters and more than three packets per transaction.

Armoured vehicle fleet procurement by the Army

- > Uncollected late delivery penalties amounting to RM162.75mil under the Gempita armoured vehicle supply contract.
- > Unimposed late service penalties amounting to RM1.42mil under the maintenance, repair, and spare parts supply contract.
- > Procurements totalling RM107.54mil that were executed through contract splitting.

Pre-Qualification procurement method

- > Presents room for manipulation.
- > Reduces market competitiveness.

Supplies, services and works procurement at UKM

- > Three out of seven procurement tenders worth more than RM50mil did not follow the required procurement procedures.
- > A company, whose medical equipment failed to meet integration specifications, was awarded a contract.

Source: Auditor-General's Report Series 2/2025

TheStargraphics

chase the subsidised product, and limit it from being sold to foreigners and commercial entities.

"The purchase limit should also be reviewed," it stated.

It said the COSS system must be

used holistically to prevent any leakages.

The A-G's report also proposed that targeted initiatives such as the Sumbangan Asas Rahmah (Sara) programme be expanded.

KERATAN AKHBAR

THE STAR

22 JULAI 2025 | SELASA

THE STAR, TUESDAY 22 JULY 2025

Governance slip found in Felcra's RM241mil plantation acquisitions

PETALING JAYA: The Auditor-General's Report 2/2025 found governance weaknesses in the implementation of leasing procurements for Felcra Berhad involving one oil palm plantation in Sandakan, Sabah, and three in Gua Musang, Kelantan, with acquisitions worth RM241.76mil from 2022 to 2024.

Felcra Berhad went ahead with the RM62.29mil procurement for one oil palm plantation, known as the Telupid estate, despite a feasibility study concluding that the land was not economically viable due to poor soil and uneven terrain.

The report also said that the non-executive director representing the Finance Ministry had disagreed with the acquisition, citing the feasibility study's findings that the soil series and topography were only moderately suitable for development.

It also highlighted that another

die for development.

It also highlighted that another independent non-executive director believed that external consultants should have been appointed to provide a professional assessment of the proposed acquisition.

"The acquisition was nonetheless proceeded with, even though the feasibility report indicated that the Telupid estate was not economically viable," said the report that was released yesterday.

The board of directors had agreed to defer the procurement and to issue a request for proposal to appoint external consultants to conduct a new feasibility study and cost-benefit analysis of the investment, the report said.

"The board member representing the Economy Ministry also expressed the view that management should obtain confirmation from the Finance Ministry regarding the investment approval procedures for Ministry of Finance Incorporated companies," it said.

In response, Felcra Berhad said it estimated the Telupid estate's yield for 2025 at 12 metric tonnes per hectare (mt/ha), with a projected gross profit of RM1.37mil.

Following the Environmental Impact Assessment (EIA) report approval, Felcra Berhad said it had implemented several plans to improve the viability of the estate and optimise palm oil production.

These included a phased replanting programme from 2025 to 2028, approved by the board on Feb 20, 2025, starting with 215ha under Phase 1.

Felcra Berhad also said it had taken steps to increase income and control expenditure to ensure the estate would generate profit following recovery efforts.

The AG report recommended Felcra improve its governance processes to ensure that all decisions related to plantation acquisitions are made collectively, align with previous resolutions and follow the company's constitution, rules and regulations.



JABATAN PERDANA MENTERI
JABATAN AUDIT NEGARA

KERATAN AKHBAR

DAILY EXPRESS

22 JULAI 2025 | SELASA

‘Review Felcra oil palm plantations plan’ call

KUALA LUMPUR: The National Audit Department (NAD) has recommended that the acquisition of oil palm plantations under the Federal Land Consolidation and Rehabilitation Authority's (Felcra) transformation plan be reviewed to ensure investments would bring 'value-for-money' returns based on its financial capabilities.

The Auditor-General's Report 2/2025 presented at the Dewan Rakyat today also included recommendations that the Felcra

Berhad board of directors be responsible in ensuring that oil palm plantation acquisitions were organised in line with their fiduciary duty and good governance practices.

Also, the agency was advised to make improvements to its administrative process and that all decisions regarding oil palm plantation acquisitions be made collectively and in line with previous resolutions and the company's constitution.

"Any changes to the board of directors'

decisions need to be recorded and confirmation be obtained through a new and clear resolution, with minutes recorded in an organised manner and documented accordingly by the company secretary in line with the Constitution of Felcra Berhad.

"In addition, Felcra Berhad also needs to set a minimum timeline between approval and implementation of the agreement to provide room for adequate risk assessment and review," the report stated.

KERATAN AKHBAR

HARIAN METRO

23 JULAI 2025 | RABU

SALAH LAKU DIBANGKITKAN DALAM LAPORAN KETUA AUDIT NEGARA

SPRM, AGC digesa **siasat** segera

Oleh A'qilah Riduan
am@hmetro.com.my

Kuala Lumpur

Pemerhati Rasuah Malaysia (MCW) mengesahkan Suruhanjaya Pencegahan Rasuah Malaysia (SPRM) dan Pejabat Peguam Negara (AGC) menyiasat segera salah laku yang dibangkitkan dalam laporan Ketua Audit Negara (LKAN).

Presiden MCW, Jais Abdul Karim, berkata pihak-



Ketua jabatan yang bertanggungjawab terhadap kelemahan itu tidak seharusnya hanya diberi teguran, sebaliknya mesti dikenakan tindakan tatatertib atau undang-undang,”

Jais Abdul Karim

nya memandang serius beberapa dapatan audit membabitkan kelemahan tadbir urus termasuk kegagalan kutipan denda, pemberian tender di luar garis panduan dan amalan pecah kecil kontrak.

Katanya, tindakan segera perlu diambil SPRM dan AGC bagi mengelakkan kerugian besar akibat kecuai-an yang berulang.

“Ketua jabatan yang bertanggungjawab terhadap kelemahan itu tidak seharusnya hanya diberi tegu-

ran pentadbiran semata-mata, sebaliknya mesti dikenakan tindakan tatatertib atau tindakan undang-undang sewajarnya,” katanya semalam.

Sehubungan itu, MCW mencadangkan beberapa langkah penambahbaikan bagi memastikan akauntabiliti dan ketelusan agensi kerajaan ditingkatkan.

Antaranya mencadangkan Parlimen dan Jawatankuasa Kira-Kira Wang Negara (PAC) memanggil pihak terbabit untuk sesi

pendengaran awam terbuka supaya susulan dapat dibuat secara menyeluruh.

“Pelaksanaan sistem eSelfAudit seperti diumumkan Ketua Audit Negara perlu dipercepatkan secara menyeluruh bagi mengelakkan kelulusan perbelanjaan sewenang-wenang.”

“Penubuhan Jawatankuasa Bebas Pemantauan LKAN di bawah Parlimen dengan penyertaan badan bukan kerajaan (NGO) antirasuah termasuk MCW

turut dicadangkan bagi memastikan susulan yang berkesan,” katanya.

Selain itu, Jais menegaskan reformasi institusi tidak bermakna jika dapatan audit tidak disusuli dengan ketegasan undang-undang dan perubahan sistemik yang komprehensif.

“Rakyat berhak mendapatkan penjelasan dan tindakan segera. Negara tidak boleh terus menanggung kerugian akibat kelemahan yang berulang saban tahun,” katanya.



JABATAN PERDANA MENTERI
JABATAN AUDIT NEGARA

KERATAN AKHBAR

SINAR HARIAN

23 JULAI 2025 | RABU

RM48.8 bilion bukan ketirisan, tapi nilai keseluruhan audit

PUTRAJAYA – Nilai RM48.873 bilion yang terkandung dalam Laporan Ketua Audit Negara (LKAN) 2/2025 bukan jumlah ketirisan atau kerugian seperti yang disalah lapor oleh beberapa portal berita, sebaliknya ia adalah nilai kos keseluruhan program, aktiviti dan projek yang diaudit oleh Jabatan Audit Negara (JAN).

Ketua Audit Negara, Datuk Seri Wan Suraya Wan Mohd Radzi berkata, laporan yang tidak tepat berpotensi mencetuskan kekeliruan dan persepsi negatif terhadap pengurusan kewangan negara.

“Secara umumnya, LKAN 2/2025 mengenai aktiviti kementerian, jabatan, badan berkanun dan syarikat kerajaan Persekutuan mengandungi perkara yang dibangkitkan hasil pengauditan terhadap lima program, aktiviti dan projek di tujuh kementerian dengan nilai kos keseluruhan sebanyak RM48.873 bilion,” katanya dalam kenyataan pada Selasa.

Menurut beliau, skop pengauditan turut mengambil kira prestasi pelaksanaan merangkumi pelbagai tahun terdahulu termasuk isu-isu legasi serta sebarang inisiatif yang telah diperkenalkan kerajaan.

Sehubungan itu, setiap penemuan yang dibentangkan dalam laporan disusuli dengan syor penambahbaikan yang konstruktif bagi membantu kementerian, jabatan dan agensi kerajaan meningkatkan kecekapan operasi serta memperkukuh sistem dalaman dan pematuhan.

Dalam tempoh tahun 2024 hingga Jun 2025, susulan audit yang dilaksanakan oleh JAN telah membantu kerajaan memperoleh bayaran balik sebanyak RM157.73 juta menerusi tuntutan penalti, sewa tertunggak, kutipan Liquidated Ascertained Damages (LAD), tunggakan pajakan tanah serta kutipan duti dan cukai.

KERATAN AKHBAR

UTUSAN BORNEO SARAWAK

25 JULAI 2025 | JUMAAT

KKDW sambut baik maklum balas Jabatan Audit Negara

KUALA LUMPUR: Kementerian Kemajuan Desa dan Wilayah (KKDW) menyambut baik maklum balas serta syor daripada Jabatan Audit Negara susulan dapatan dalam Laporan Ketua Audit Negara (LKAN) Bil. 2/2025, sekaligus mengulangi komitmennya untuk melakukan penambahbaikan berterusan dalam pelaksanaan sistem Tender Terbuka Pra-Kelayakan Ter-

pilih (TTPKT).

Dalam satu kenyataan, KKDW mengesahkan kesediaannya untuk menambah baik Prosedur Operasi Standard (SOP) dan garis panduan berkaitan TTPKT bagi memperkukuh lagi sistem tersebut.

Kementerian menjelaskan bahawa sistem TTPKT telah dilaksanakan mengikut garis panduan yang ditetapkan oleh Kementerian Kewangan

(MoF).

Diperkenalkan sebagai satu inisiatif perintis, kaedah ini bertujuan mempercepatkan pelaksanaan projek infrastruktur yang memberi manfaat kepada rakyat.

“Sebagai kaedah perintis baharu, ia tidak terlepas daripada sebarang kesilapan atau kekurangan. Namun, KKDW telah mengadaptasi amalan terbaik daripada Jabatan Kerja

Raya (JKR) Malaysia yang berperanan sebagai agensi teknikal utama bagi projek-projek sedemikian,” menurut kenyataan itu.

KKDW mengakui bahawa penambahbaikan perlu dilakukan berdasarkan dapatan audit tersebut, namun menekankan bahawa hasil audit tersebut tidak menunjukkan sebarang implikasi kewangan atau kerugian kepada kerajaan.

KERATAN AKHBAR

THE BORNEO POST SARAWAK

25 JULAI 2025 | JUMAAT

National

KKDW pledges improvements to pre-qualified tender system following audit findings

KUALA LUMPUR: The Ministry of Rural and Regional Development (KKDW) welcomes the Auditor-General's Report (LKAN) No. 2/2025 and pledges to enhance the Pre-Qualified Open Tender (TTPKT) system following recommendations from the National Audit Department.

In a statement, the ministry affirmed its readiness to revise its Standard Operating Procedures (SOPs) and guidelines to strengthen the tender process.

The ministry explained that TTPKT, introduced as a pilot

method under the Ministry of Finance (MoF) guidelines, aims to accelerate infrastructure projects that benefit rural communities.

"As a pilot initiative, it is not without shortcomings. However, KKDW has adopted best practices from the Public Works Department (JKR), the lead technical agency for such projects," it said.

While acknowledging areas for improvement, the ministry stressed that the audit report does not indicate any financial losses or implications for the government.



JABATAN PERDANA MENTERI
JABATAN AUDIT NEGARA

KERATAN AKHBAR

THE EDGE CEO MORNING BRIEF

25 JULAI 2025 | JUMAAT

MACC to review AG's Report to identify governance weaknesses, potential misconduct

Bernama

Rakyat on Wednesday (July 23), revealed serious irregularities identified in three audits, involving over RM460 million.

Auditor General Datuk Seri Wan Suraya Wan Mohd Radzi listed one of them as involving Felcra Bhd, showing governance weaknesses in the lease procurement of four oil palm estates worth RM241.76 million between 2022 and 2024.

She added that Universiti Kebangsaan Malaysia was found to have serious procurement irregularities involving three tenders worth RM58.45 million.

The other irregularities involved uncollected late penalty charges amounting to RM162.75 million, and yet to be imposed late penalty charges amounting to RM1.42 million for the Gempita supply contract.

KERATAN AKHBAR

HARIAN METRO

25 JULAI 2025 | JUMAAT

LKAN

SPRM siasat isu kelemahan tatakelola

Kuala Lumpur: Suruhanjaya Pencegahan Rasuah Malaysia (SPRM) akan menjalankan siasatan berkaitan isu kelemahan tatakelola dan potensi salah laku dalam agensi serta syarikat berkaitan kerajaan (GLC) susulan Laporan Ketua Audit Negara (LKAN) Siri 2/2025 yang dibentangkan di Parlimen baru-baru ini.

SPRM menerusi kenyataan memaklumkan, pihaknya akan bekerjasama rapat dengan Jabatan Audit Negara (JAN) bagi mendapatkan maklumat termasuk dokumen sokongan berkaitan untuk siasatan serta tindakan lanjut dengan kadar segera.

“SPRM sentiasa menyokong pendedahan Ketua Audit Negara dan akan menjalankan penelitian secara menyeluruh terhadap laporan berkenaan.

“Ini termasuk mengambil tindakan susulan terhadap sebarang isu yang disyaki ada unsur kesalahan jenayah di bawah Akta SPRM 2009 (Akta 694) dan bukan hanya terhadap isu tatakelola semata-mata,” katanya.

SPRM sentiasa komited dalam memastikan setiap dakwaan salah guna kuasa, penyelewengan dan rasuah ditangani secara tegas serta telus demi memastikan tadbir urus negara berada pada tahap tertinggi seterusnya mengembalikan keyakinan rakyat terhadap integriti institusi awam.

Terdahulu, media melaporkan, Laporan Ketua Audit Negara yang dibentangkan di Dewan Rakyat menunjukkan beberapa kepincangan yang berlaku dalam pelaksanaan projek dan dana kerajaan.

KERATAN AKHBAR

BERITA HARIAN

25 JULAI 2025 | JUMAAT

Laporan Ketua Audit Negara Siri 2/2025

SPRM siasat isu kelemahan tatakelola dalam agensi, GLC

Kuala Lumpur: Suruhanjaya Pencegahan Rasuah Malaysia (SPRM) akan menjalankan siasatan berkaitan isu kelemahan tatakelola dan potensi salah laku dalam agensi serta syarikat berkaitan kerajaan (GLC) susulan Laporan Ketua Audit Negara (LKAN) Siri 2/2025 yang dibentangkan di Parlimen baru-baru ini.

Dalam kenyataannya, SPRM menegaskan pihaknya akan bekerjasama rapat dengan Jabatan Audit Negara (JAN) bagi mendapatkan maklumat serta dokumen sokongan, membabitkan teguran terhadap tatakelola dan salah laku dalam agensi GLC.

Katanya, langkah itu bertujuan bagi menjalankan siasatan serta tindakan lanjut dengan kadar segera.

"SPRM mengambil maklum terhadap Laporan Ketua Audit

Negara (LKAN) Siri 2/2025 yang dibentangkan di Parlimen baru-baru ini, khususnya berkaitan dengan isu-isu yang membabitkan kelemahan tatakelola dan potensi salah laku dalam agensi serta GLC.

"SPRM sentiasa menyokong pendedahan Ketua Audit Negara serta akan menjalankan penelitian secara menyeluruh terhadap laporan berkenaan termasuk mengambil tindakan susulan terhadap sebarang isu yang disyaki mempunyai unsur kesalah jenayah di bawah Akta SPRM 2009 (Akta 694) dan bukan hanya terhad kepada isu tatakelola semata-mata.

"SPRM sentiasa komited dalam memastikan setiap dakwaan salah guna kuasa, penyelewengan dan rasuah ditangani secara tegas serta telus demi memastikan tadbir urus negara

berada pada tahap tertinggi seterusnya mengembalikan keyakinan rakyat terhadap integriti institusi awam," katanya.

LKAN Siri 2/2025 yang dibentangkan di Dewan Rakyat pada Isnin lalu mendedahkan tiga ketakteraturan serius membabitkan jumlah keseluruhan melebihi RM460 juta.

Ketakteraturan itu membabitkan Felcra Berhad, Universiti Kebangsaan Malaysia (UKM) dan Tentera Darat Malaysia.

Ketua Audit Negara, Datuk Seri Wan Suraya Wan Mohd Radzi, dilaporkan berkata, di antara ketirisan paling ketara membabitkan Felcra Berhad, yang didapati lemah dari segi tadbir urus perolehan bagi pajakan empat ladang sawit berjumlah RM241.76 juta bagi tempoh antara 2022 hingga 2024.

UKM pula berdepan isu ke-



takteraturan serius dan kelemahan dalam proses perolehan yang membabitkan tiga tender bernilai RM58.45 juta.

Selain itu, Tentera Darat Malaysia turut terpalit isu kelemahan dalam pentadbiran kontrak dan pengurusan perolehan bagi kenderaan perisai sepanjang tempoh 2020 hingga 2023.

Berdasarkan penemuan terkandung dalam laporan itu, Tender Terbuka Pra-Kelayakan Terpilih (Perolehan Pre-Q Terpilih) di tiga kementerian didapati tidak mencapai objektif.

Ia bagi memenuhi hasrat kerajaan menyegerakan proses

perolehan dan mempercepatkan pelaksanaan projek Jana Wibawa yang sudah dibatalkan serta projek berimpak besar kepada rakyat.

Penemuan itu mendapati ada beberapa kelemahan berkaitan Perolehan Pre-Q Terpilih, berdasarkan audit dilaksanakan di Kementerian Peralihan Tenaga dan Transformasi Air (PETRA), Kementerian Kerja Raya (KKR) (Jabatan Kerja Raya/JKR Sabah) serta Kementerian Kemajuan Desa dan Wilayah (KKDW), iaitu yang mempunyai status nilai tender tertinggi menggunakan kaedah Perolehan Pre-Q Terpilih.

KERATAN AKHBAR

NEW STRAITS TIMES

25 JULAI 2025 | JUMAAT

MACC to review A-G report for misconduct

PUTRAJAYA: The Malaysian Anti-Corruption Commission (MACC) will conduct a thorough review of the Auditor-General's Report Series 2/2025 to identify governance weaknesses and potential misconduct involving government agencies and government-linked companies (GLCs).

In a statement, MACC said the review would include follow-up action on any issues suspected of involving criminal offences under the MACC Act 2009 (Act 694), and would not be limited to governance lapses alone.

"The MACC takes note of the report recently tabled in Parliament, particularly issues involving governance weaknesses and potential misconduct in agencies and GLCs. The MACC fully supports the Auditor-General's disclosures," the statement read, Bernama reported yesterday.

It will work closely with the National Audit Department to obtain relevant information and supporting documents to facilitate swift investigations and follow-up action.

KERATAN AKHBAR

BERITA HARIAN

24 JULAI 2025 | KHAMIS

Sidang Dewan Rakyat

PM mahu semua menteri teliti teguran dibangkit dalam LKAN

Isu berulang belum ditangani secara tuntas perlu diberi penelitian, diambil tindakan

Kuala Lumpur: Datuk Seri Anwar Ibrahim mahu semua menteri terbabit meneliti setiap teguran dibangkitkan oleh Ketua Audit Negara dalam Laporan Ketua Audit Negara (LKAN) 2/2025.

Penegasan Perdana Menteri itu disampaikan Menteri di Jabatan Perdana Menteri (Undang-Undang dan Reformasi Institusi), Datuk Seri Azalina Othman Said ketika membentangkan usul di bawah Peraturan Mesyuarat 27 (3) LKAN 2/2025.

Azalina berkata, Perdana Menteri mahu perkara atau isu berulang yang belum ditangani secara tuntas oleh pihak terbabit, diberi penelitian dan diambil tindakan pembetulan.

"Memperbaiki kerajaan memandang serius isu dibangkitkan dalam LKAN dan Perdana Menteri sudah mengarahkan

supaya menteri terbabit meneliti isu dibangkitkan.

"Segala isu membabitkan ketirisan, ketidakpatuhan kepada peraturan, tidak mematuhi syarat dan kelemahan dalam perancangan perlu diteliti dan diambil tindakan pembetulan.

"Semua teguran seharusnya menjadi pengajaran supaya tidak berulang," katanya di Dewan Rakyat, di sini, semalam.

Azalina berkata, dalam meneruskan usaha reformasi dalam meningkatkan kecekapan, ketelusan dan keberkesanan entiti awam, kerajaan berpandangan setiap LKAN diteruskan dibahaskan di Dewan Rakyat.

Atasi kelemahan

Katanya, ia adalah supaya perhatian dan pengamatan mendalam oleh semua pihak dapat diberikan bagi mendukung hasrat kerajaan mewujudkan tadbir urus sektor awam lebih baik, selain penelitian di bawah Jawatankuasa Kira-Kira Wang Negara (PAC).

"Dalam Ketua Audit Negara melaksanakan mandatnya, Dewan yang mulia ini mahu supaya semua pihak bersatu hati dan menyokong kerajaan supaya dapatan audit dan syor yang terkandung dalam laporan terbabit dapat diambil tindakan dengan serius oleh pihak terbabit untuk



Azalina pada persidangan Dewan Rakyat di Bangunan Parlimen, semalam.

(Foto BERNAMA)

mengatasi kelemahan ditemui daripada terus berlaku," katanya.

Azalina berkata, peranan Jabatan Audit Negara diperkukuhkan dengan piuduan Akta Audit 1957 (Akta 62) dihapuskan di Dewan Rakyat pada 3 Julai 2024 dan

di Dewan Negara pada 24 Julai 2024, selepas 33 tahun tidak dipinda.

Pindaan Akta Audit 1957 adalah perubahan signifikan dibawa kerajaan MADANI kepada sistem akauntabiliti awam, antaranya memperuntukkan kuasa Ketua

Audit Negara untuk membuat apa-apa syor bagi menangani ketidakpatuhan serius yang ditemui semasa pengauditan.

Sejak pembentangan dan perbahasan LKAN pada 6 Jun 2023, ia dibahaskan sebanyak empat kali di Dewan Rakyat.

KERATAN AKHBAR

HARIAN METRO

24 JULAI 2025 | KHAMIS

LKAN

Teguran Ketua Audit Negara perlu diteliti menteri

Kuala Lumpur: Perdana Menteri, Datuk Seri Anwar Ibrahim menegaskan semua menteri yang bertanggungjawab mestilah meneliti setiap teguran yang dibangkitkan oleh Ketua Audit Negara dalam Laporan Ketua Audit Negara (LKAN) 2/2025.

Penegasan Perdana Menteri itu disampaikan Menteri di Jabatan Perdana Menteri (Undang-Undang dan Reformasi Institusi), Datuk Seri Azalina Othman Said ketika membentangkan usul di bawah Peraturan Mesyuarat 27 (3)

LKAN 2/2025.

Azalina berkata, Perdana Menteri mahu perkara berulang yang masih belum ditangani secara tuntas diberi penelitian.

“Memperakui kerajaan memandang serius isu dibangkitkan dalam LKAN, dan Perdana Menteri sendiri sudah mengarahkan supaya menteri terbabit meneliti isu dibangkitkan.

“Segala isu yang membabitkan ketirisan, ketidakpatuhan kepada peraturan, tidak mematuhi syarat dan kelemahan dalam perancangan perlu diteliti

dan diambil tindakan.

“Semua teguran seharusnya menjadi pengajaran supaya tidak berulang,” katanya, semalam.

Pada masa sama, Azalina berkata, dalam meneruskan usaha reformasi meningkatkan kecekapan, ketelusan dan keberkesanan entiti awam, kerajaan berpandangan setiap LKAN diteruskan untuk dibahaskan di Dewan Rakyat.

Katanya, ia adalah supaya perhatian dan pengamatan mendalam semua pihak dapat diberikan bagi mendukung hasrat kerajaan

an mewujudkan tadbir urus sektor awam lebih baik selain penelitian di bawah Jawatankuasa Kira-Kira Wang Negara (PAC).

“Dalam Ketua Audit Negara melaksanakan mandatnya, Dewan yang mulia ini mahu supaya semua pihak bersatu hati dan menyokong kerajaan supaya dapatan audit dan syor yang terkandung dalam laporan terbabit dapat diambil tindakan serius oleh pihak terbabit untuk mengatasi kelemahan yang ditemui daripada terus berlaku,” katanya.



JABATAN PERDANA MENTERI
JABATAN AUDIT NEGARA

KERATAN AKHBAR

UTUSAN MALAYSIA

26 JULAI 2025 | KHAMIS

Jakim nafi punca kelewatan sijil halal syarikat katering HCTM

PETALING JAYA: Jabatan Kemajuan Islam Malaysia (Jakim) menafikan pihaknya menjadi punca kelewatan dalam proses pensijilan halal Malaysia (SPHM) melibatkan sebuah syarikat katering yang menerima kontrak bernilai RM25.64 juta di Hospital Canselor Tunku Mukhriz (HCTM).

Ketua Pengarah Jakim, Datuk Dr. Sirajuddin Suhaimi berkata, isu tersebut berlaku akibat salah faham berkaitan Pegawai Bertanggungjawab (PIC) bagi permohonan sijil halal tersebut yang sebenarnya bukan daripada Jakim, sebaliknya pihak syarikat berkenaan.

"Difahamkan, PIC yang dilantik syarikat ketika itu sedang bercuti bersalin dan pihak syarikat telah mencalonkan pengganti baharu yang memerlukan latihan sebelum dapat menjalankan tanggungjawab sebagai Eksekutif Halal.

"Justeru, tidak timbul isu kelewatan daripada pihak Jakim seperti yang dilaporkan sebelum ini," katanya dalam kenyataan semalam.

Laporan Ketua Audit Negara (LAN) 2/2025 sebelum ini mendedahkan, HCTM telah menganugerahkan kontrak perkhidmatan katering selama tiga tahun bernilai RM25.64 juta kepada sebuah syarikat yang tidak memiliki sijil halal daripada Jakim.

Menurut laporan itu, syarikat terbabit yang dikenal pasti sebagai 0267299-T telah memperoleh tender bagi membekalkan makanan kepada pesakit di HCTM bagi tempoh antara Februari 2024 hingga Februari 2027.

Mengulas lanjut, Sirajuddin berkata, Jakim kekal komited memastikan setiap aspek pengurusan SPHM dilaksanakan secara telus dan berintegriti berlandaskan piawaian yang ditetapkan.

"Langkah ini selaras dengan prinsip tadbir urus baik dan amanah dalam kerangka Malaysia Madani yang menekankan kebertanggungjawaban serta ketelusan dalam penyampaian perkhidmatan awam," katanya.

Menurutnya, HCTM turut menyatakan komitmen untuk terus mematuhi semua keperluan dan prosedur pensijilan halal demi kemaslahatan ummah.

Beliau berkata, Jakim sentiasa bersedia memberikan penjelasan lanjut kepada mana-mana pihak yang memerlukan maklumat berhubung SPHM.

"Pendekatan inklusif ini adalah sebahagian usaha mendidik dan memperkasa pematuan halal di semua peringkat serta menyokong aspirasi kerajaan dalam membentuk masyarakat berpengetahuan dan bertanggungjawab," katanya.



JABATAN PERDANA MENTERI
JABATAN AUDIT NEGARA

KERATAN AKHBAR

SINAR HARIAN

26 JULAI 2025 | KHAMIS

Felcra perkukuh tadbir urus

SHAH ALAM - Felcra menyambut baik teguran dan syor Jabatan Audit Negara berhubung dapatan pengauditan Laporan Ketua Audit Negara (LKAN) 2/2025 yang dibentangkan di Dewan Rakyat baru-baru ini.

Agensi kerajaan itu dalam satu kenyataan memaklumkan, pihaknya akur akan penambahbaikan berterusan dalam aspek pengurusan perolehan ladang sawit dan komited terhadap sebarang usaha untuk menambah baik Prosedur Operasi Standard (SOP) serta garis panduan berkaitan pengurusan perolehan ladang sawit.

"Dalam aspek pengurusan perolehan ladang sawit, Felcra telah menambah baik tadbir urus dengan memastikan semua keputusan perolehan ladang sawit dibuat secara kolektif dan selaras dengan resolusi terdahulu serta perlembagaan syarikat.

"Selain itu, Felcra bersetuju dengan penetapan tempoh masa minimum antara kelulusan, pelaksanaan perjanjian untuk memberi ruang kepada penilaian risiko dan semakan sewajarnya dapat dibuat," menurut Felcra.

Pada masa sama, Felcra turut mengambil langkah penambahbaikan dengan pengenalan SOP Perolehan Tanah dan Estet Baharu yang lebih ketat, terperinci dan menyeluruh.

"Inisiatif ini dirangka untuk memastikan setiap keputusan dibuat berdasarkan prinsip integriti dan kepentingan jangka panjang organisasi.

"Felcra percaya bahawa elemen ketelusan dan terbuka dalam proses perolehan ladang sawit adalah asas kepada pemulihan keyakinan rakyat terhadap Felcra sebagai agensi pembangunan luar bandar yang berwibawa," menurut kenyataan itu.

Felcra mengambil langkah penambahbaikan dengan pengenalan SOP Perolehan Tanah dan Estet Baharu yang lebih ketat, terperinci dan menyeluruh.





JABATAN PERDANA MENTERI
JABATAN AUDIT NEGARA

KERATAN AKHBAR

SINAR HARIAN

26 JULAI 2025 | KHAMIS

Jakim sangkal lewat beri sijil halal



LKAN 2/2025 melaporkan bahawa HCTM menganugerahkan kontrak katering bernilai RM25.64 juta kepada syarikat dinamakan sebagai 0267299-T yang tidak mempunyai sijil halal daripada Jakim.

SHAH ALAM - Jabatan Kemajuan Islam Malaysia (Jakim) menafikan dakwaan isu sijil halal membabitkan kontrak katering bernilai RM25.64 juta di Hospital Canselor Tuanku Muhriz (HCTM) berlaku disebabkan kelewatan pihaknya.

Ketua Pengarahnya, Datuk Dr Sirajuddin Suhaimee menjelaskan bahawa siasatan mendapati berlaku salah faham berhubung pegawai bertanggungjawab (PIC) dalam permohonan Sijil Pengesahan Halal Malaysia (SPHM).

"Individu yang dianggap sebagai PIC itu sebenarnya merupakan pegawai syarikat katering, bukan daripada Jakim.

"Beliau sedang bercuti bersalin dan syarikat telah mencalonkan pengganti. Bagaimanapun, individu pengganti perlu melalui latihan terlebih dahulu sebelum melaksanakan tugas sebagai Eksekutif Halal," katanya pada Jumaat.

Beliau mengulas Laporan Ketua Audit

Negara (LKAN) 2/2025 yang melaporkan bahawa HCTM menganugerahkan kontrak katering bernilai RM25.64 juta kepada syarikat dinamakan sebagai 0267299-T yang tidak mempunyai sijil halal daripada Jakim.

Laporan itu turut memaklumkan bahawa syarikat berkenaan dianugerahkan kontrak bagi membekalkan makanan kepada pesakit hospital terbabit selama tiga tahun bermula Februari 2024.

Berikutan itu, Sirajuddin sebelum ini memberi jaminan bahawa Jakim akan mendapatkan maklumat terperinci berhubung kes tersebut.

Mengulas lanjut beliau berkata, Jakim telah mengadakan pertemuan dengan pihak hospital untuk mendapatkan maklumat lanjut serta memberi penerangan berhubung proses permohonan SPHM bagi mengelakkan kekeliruan dan memperkukuhkan kefahaman.



JABATAN PERDANA MENTERI
JABATAN AUDIT NEGARA

KERATAN AKHBAR

SINAR HARIAN

26 JULAI 2025 | KHAMIS

Integriti mengurus dana awam



LAPANGAN
AKAL

CHAMIL WARIYA

Setiap kali Laporan Ketua Audit Negara (LKAN) dibentangkan di Dewan Rakyat, ada sahaja pekung di dada agensi-agensi tertentu kerajaan didedahkan kepada umum. Ketirisan dana awam dalam pemberian tender bernilai berjuta ringgit diperincikan.

Tindakan 'musang berbulu ayam' penjawat awam yang diamanahkan melaksanakan projek tertentu dibongkar. Perbuatan *menyakau* wang negara yang sepatutnya dibelanjakan untuk kepentingan rakyat dan pelbagai bentuk penyalahgunaan kuasa, semacam sudah menjadi amalan meluas termasuk pada peringkat tinggi.

Bilangan pegawai tidak berintegriti – kalangan yang tidak amanah, tidak jujur, tidak beretika dan tidak bermoral itu mungkin kecil tetapi bak kata pepatah kerana seekor kerbau membawa lumpur, kerbau-kerbau lain turut terpalit.

Sekiranya ada menyangka LKAN yang dibentangkan setiap tahun selama ini

membuat penjawat awam dan anggota pentadbiran serik untuk melakukan sebarang ketakteraturan – meminjam istilah Ketua Audit Negara, Datuk Seri Wan Suraya Wan Mohd Radzi – dalam membelanjakan dana awam, sangkaan itu sebenarnya meleset.

LKAN Siri 2/2025 yang dibentangkan di Dewan Rakyat, Isnin lalu membuat rakyat berasa kecewa. Ketirisan mengurus dana awam bergema lagi. Laporan kali ini dengan jelas mendedahkan ketakteraturan serius melibatkan tiga agensi kerajaan – Felcra Berhad, Universiti Kebangsaan Malaysia (UKM) dan Tentera Darat Malaysia (TDM).

Secara lebih khusus, Wan Suraya menghuraikan:

1. Ketirisan paling ketara melibatkan Felcra Berhad yang didapati lemah dari segi tadbir urus perolehan pajakan empat ladang sawit berjumlah RM241.76 juta bagi tempoh antara 2022 hingga 2024.

2. UKM pula berdepan isu ketakteraturan serius dan kelemahan dalam proses perolehan membabitkan tiga tender berjumlah RM58.45 juta.

3. TDM di bawah Kementerian Pertahanan terpalit isu kelemahan pentadbiran kontrak dan pengurusan perolehan bagi kenderaan perisai bagi tempoh 2020 hingga 2023 melibatkan denda RM162.75 juta yang masih belum dikutip dan denda RM1.42 juta yang be-

lum dikenakan terhadap syarikat kerana kelewatan perkhidmatan senggaraan.

LKAN Siri 2/2025 itu juga turut mencadangkan syor-syor yang mesti dilakukan pihak jabatan bagi membetulkan keadaan pada masa akan datang. Sudah tentu syor yang spesifik bagi tiga agensi itu juga boleh dipanjangkan kepada agensi kerajaan di bawah tujuh kementerian lain yang diaudit oleh Jabatan Audit Negara bagi Siri 2/25.

Ketakteraturan yang mereka lakukan mungkin tidaklah seserius dilakukan Felcra Berhad, UKM atau TDM tetapi bergerak ke hadapan, agensi-agensi yang tidak ditegur hendaklah memastikan perbelanjaan dana awam dilakukan mengikut peraturan ketat sedia ada sekiranya ketirisan pengurusan dana ingin dihindari.

Memanglah peraturan perolehan boleh dimantapkan, hukuman keras boleh dikenakan tetapi kelicikan 'musang berbulu ayam' yang mengendalikan sistem tender akan senantiasa berlaku.

Justeru, sistem perolehan ditambah baik itu hendaklah diiringi pemupukan nilai integriti dalam kalangan mereka diamanahkan bagi menguruskan perolehan dana awam.

Tanpa integriti, seperti ditegaskan oleh Pengarah Eksekutif Institut Antarabangsa Polisi Awam dan Pengurusan, Universiti Malaya, Datuk Dr Anis Yusaf Yusoff, program pembangunan

tidak dapat dilaksanakan dengan berkesan. Banyak kerosakan akan berlaku.

Bercakap dalam konteks pelaksanaan Rancangan Malaysia ke-13 (RMK13), Dr Anis secara lebih spesifik menekankan ketiadaan integriti boleh membuka laluan kepada penyalahgunaan kuasa, ketirisan dana awam dan lemahnya kepercayaan rakyat terhadap institusi.

Selain integriti, beliau juga menarik perhatian kepada elemen dua yang lain – integrasi dan *intrigue* bagi memastikan RMK13 dapat dijayakan dengan berkesan. Integrasi merujuk kepada 'penyatuan' antara Sabah, Sarawak dan Semenanjung yang menurut beliau masih belum dilaksanakan secara tuntas sejak merdeka.

Intrigue pula merujuk kepada perebutan kuasa berterusan dalam kalangan elit politik yang semakin membarah sejak lima tahun kebelakangan ini. Barangkali untuk meningkatkan nilai-nilai mulia dan murni penjawat awam yang diamanahkan mengurus dana awam, peranan Institut Integriti Malaysia perlu diperkasakan.

Satu Pelan Integriti Nasional lebih menyeluruh hendaklah digubal segera bagi menggantikan PIN 1.0 sedia ada. Lebih baik sekiranya pelan integriti dan tatakelola baharu itu dijadikan sebahagian strategi penting pelaksanaan RMK13.

*Dr Chamil Wariya ialah Pengarah VOA MEDIA NETWORK, penyedia kandungan faktual

KERATAN AKHBAR

DAILY EXPRESS

27 JULAI 2025 | JUMAAT

Audit, reformasi semula GLC bongkar penyelewengan

Jinni Juanis

TUARAN: Parti Kerjasama Anak Negeri (Anak Negeri) menggesa semua syarikat berkaitan kerajaan (GLC) di negeri ini harus melalui proses audit dan direformasi secara menyeluruh bagi membongkarkan kemungkinan berlaku penyelewengan kewangan.

Desakan itu dibuat berikutan gambar tular yang didakwa membabitkan pegawai-pegawai eksekutif GLC negeri serta tindakan undang-undang yang dilaporkan baru-baru ini melibatkan Sabah Development Bank (SDB) terhadap syarikat audit terkemuka Ernst & Young (EY) atas dakwaan kecuai profesional dalam kerja audit antara 2017 hingga 2022. Setiausaha Agung Parti Trevor Maringking berkata audit dan reformasi institusi secara besar-besaran mesti dilaksanakan dengan kadar segera.

"Kes saman SDB terhadap EY yang sedang berjalan ini kemungkinan membongkar penyelewengan kewangan besar-besaran serta kegagalan pengauditan.

"Ini sekali gus memberi isyarat jelas akan wujudnya kerosakan tadbir urus yang lebih serius dalam ekosistem GLC Sabah. Kerosakan ini akan terus menafikan peluang masa depan

generasi muda Sabah," katanya dalam satu kenyataan pada Selasa.

Beliau merujuk kepada kenyataan Menteri Kewangan Negeri Datuk Masidi Manjun pada awal tahun ini yang membuat pendedahan mengejutkan bahawa Sabah mempunyai lebih 200 GLC negeri tetapi kurang 10 peratus yang berjaya membayar dividen kepada kerajaan negeri.

Trevor yang juga Ketua Penyelaras Tuaran Anak Negeri berkata gambaran prestasi buruk itu merugikan rakyat Sabah daripada mendapat manfaat pelaburan awam dalam sektor infrastruktur, pekerjaan dan pembangunan masa depan. Malah menurut beliau Jabatan Audit Negeri Sabah dalam pembentangan Laporan Ketua Audit Negara baru-baru ini turut menegur bahawa banyak GLC gagal memenuhi objektif penubuhan mereka.

Menurut Trevor rakyat Sabah terutama generasi muda berhak menikmati masa depan dengan peluang yang adil dan bukannya mewarisi legasi GLC yang gagal diurus.

Dalam pada itu Trevor berkata Sabah perlu menunjukkan iltizam politik yang sama atau terus berisiko mengalami pembaziran dana awam.

KERATAN AKHBAR

THE EDGE

28 JULAI 2025 | SABTU

Blanket subsidy for cooking oil in the spotlight

The Auditor General's Report 2025 Series 2 highlighted weaknesses in the implementation, monitoring and enforcement of the subsidised cooking oil scheme, which involved expenditure of RM10.88 billion between 2019 and February this year.

Among the findings of the National Audit Department (NAD) was that only 3.57 million tonnes of subsidised cooking oil, or 82.6% of the entire quota of 4.32 million tonnes, was supplied between 2019 and 2024.

The NAD found that the current policy did not specify any conditions for the purchase of subsidised cooking oil. There was also no specific distribution area for each packaging company.

The purchase limit of 3kg per customer per transaction did not tally with the ideal usage quota of 1.5kg per person per month, it noted.

The sale of subsidised cooking oil was not structured, with the item also sold to those not intended to benefit from the scheme, such as eateries, restaurants and hawkers, as well as sales involving 713,442kg that exceeded the purchase limit.

The NAD found differences between sales transaction information on inventory books, involving 13,124kg of cooking oil, as well as 45 points of sales and 10 transporters not having the required Controlled Scheduled Articles (CSA) licence. Meanwhile, two quota holders were found possessing two CSA licences for

the wholesale and retail of subsidised cooking oil at the same addresses.

The NAD found subsidised cooking oil sold above the controlled price of RM2.50 per kg, at between RM2.60 and RM4.00 per kg. This was due to the absence of specific prices at each level of the supply chain, as well as additional charges.

The sale of used cooking oil was also not conducted properly, with no clear standard procedures. The NAD highlighted that nine out of 72 packaging companies did not have halal certification, while six out of the nine had printed the halal logo on their packaging despite not having the certification.

Considering these weaknesses found in a programme aimed at alleviating the pressures of the rising cost of living for the people, the NAD recommended that the Ministry of

Domestic Trade and Cost of Living (KPDN) take several actions for the programme to achieve its objectives. These include strengthening the implementation and enforcement of the programme's policies and procedures, strengthening the monitoring system and reporting, as well as reviewing the conditions for the CSA licence and premise monitoring.

The utilisation of e-COSS (cooking oil price stabilisation scheme) should also be enlarged in order to monitor sales and distribution records of subsidised cooking oil in real time, the NAD stated.

Ultimately, it recommended that the government adopt targeted subsidy measures for subsidised cooking oil, by enlarging the scope of existing subsidy channelling programmes such as Sumbangan Asas Rahmah (SARA). — By Kamarul Azhar E

Cooking oil subsidy — allocation and expenditure (2019 to February 2025)

PROGRAMME	ALLOCATION (RM MIL)	EXPENDITURE (RM MIL)
Cooking Oil Stabilisation Scheme	10,169.37	9,124.93
Sabah, Sarawak and Labuan Price Standardisation Programme	281.20	250.11
Price Standardisation Programme*	1,329.52	1,146.66
Cooking Oil Price Control Subsidy Mechanism Programme	357.66	357.66
TOTAL	12,137.75	10,879.36

*The total allocation and expenditure is a subsidy payment to transporter companies that supply essential goods (cooking oil, rice, flour and sugar) as well as LPG and RON95 petrol and diesel

AG'S REPORT 2025 SERIES 2



JABATAN PERDANA MENTERI
JABATAN AUDIT NEGARA

KERATAN AKHBAR

THE EDGE

28 JULAI 2025 | SABTU

